

24) PERUMAHAN MAMPU MILIK

Adun : Y.B. Tuan Wan Dzahanurin Bin Ahmad (Sungai Kandis)

Kategori : Bertulis

Sesi : 1 (2024)

Sub soalan :

- a) Berapakah keluasan tanah yang diperlukan untuk pembinaan rumah mampu milik?**

Untuk makluman Yang Berhormat, berdasarkan dasar perumahan sedia ada serta Manual Garis Panduan Dan Piawaian Perancangan Negeri Selangor (Edisi Keempat) yang telah diluluskan pemakaiannya oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) pada 6 Julai 2022 telah menggariskan bahawa keluasan minima yang diperlukan untuk membina perumahan mampu milik adalah seluas dua (2) ekar.

- b) Berapa unit rumah yang boleh dibina satu-satu di kawasan yang dipilih / ditetapkan?**

Untuk makluman Yang Berhormat, cadangan pembinaan dan jumlah unit rumah mampu milik yang di bina adalah berdasarkan kepada densiti dan zon pembangunan. Densiti maksimum yang dibenarkan untuk membina rumah mampu milik adalah 120 unit per ekar. Oleh itu, jumlah minima unit rumah mampu milik adalah 240 unit (2 ekar x 120 unit per ekar).

- c) Adakah terdapat perancangan daripada pihak Kerajaan Negeri untuk membina rumah mampu milik di DUN Sungai Kandis? Sila nyatakan bila dan lokasinya (jika ada) dan sebab-sebab tiada perancangan (jika tiada).**

Kerajaan Negeri sentiasa mengalu-alukan pembangunan projek perumahan oleh pemaju-pemaju perumahan khususnya penyediaan Rumah Mampu Milik (RMM) bagi kawasan Daerah Klang, Selangor. Ini kerana syarat / keperluan penyediaan Rumah Selangorku (RSKU) akan ditetapkan ke atas tanah-tanah yang dicadangkan untuk dibangunkan. Sehingga 31 Januari 2024, terdapat **47 projek** dengan **25,281 unit** RSKU telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) di kawasan Daerah Klang. Daripada jumlah tersebut, **9 projek** dengan **7,424 unit** RSKU telah diluluskan di kawasan Dun Sungai Kandis. Perincian seperti berikut :-

BIL	PEMAJU	LOKASI	UNIT	STATUS
1.	Malayapine Estates Sdn. Bhd.	Di Atas PT 139248, PT 139969 Dan PT 140249, Bandar Putera, Mukim Klang, Daerah Klang.	276	Dalam Pembinaan
2.	Pakar Angsana Sdn. Bhd.	Di Atas Lot PT 57329, PT 57330, PT 57331 Dan PT 57332 (Lot Asal 49087) Seksyen 32, Shah Alam, Mukim Klang, Daerah Klang.	754	Dalam Perancangan
3.	Pakar Angsana Sdn. Bhd.	Di Atas Hakmilik GRN 205519 Lot 106987 Seksyen 32, Shah Alam, Mukim Klang, Daerah Klang	414	Dalam Perancangan
4.	Jiwa Property Sdn. Bhd.	Ke Atas Hakmilik PM 8311, Lot 144306 Dan PM 8312, Lot 144307, Di Taman Alam Indah, Seksyen 33, Shah Alam, Mukim Klang, Daerah Klang.	206	
5.	I & P Alam Impian Sdn. Bhd. (Trans Loyal Development Sdn. Bhd.)	Di Atas HSD 150406 PT 142901, HSD 150408 LOT 142904, HSD 150409 PT 142906, HSD 150411 PT 142910, HSD 150412 PT 142911 HSD 150414 PT 142917, HSD 153594 PT 146226 Dan HSD 153595 PT 146227, Alam Impian, Seksyen 35, Shah Alam, Mukim Klang, Daerah Klang.	3,806	
6.	Malayapine Estates Sdn. Bhd.	Di Atas PT 139248, PT 139969 Dan PT 140249, Bandar Putera, Mukim Klang, Daerah Klang.	476	
7.	Malayapine Estates Sdn. Bhd.	Di Atas PT 139248, PT 139969 Dan PT 140249, Bandar Putera, Mukim Klang, Daerah Klang.	960	
8.	Setia Gardens Development Sdn. Bhd.	Di Atas Hakmilik H.S.(M) 58280 PT 151339 (Dahulunya Lot 1609) Seksyen 36, Shah Alam, Mukim Klang, Daerah Klang.	20	
9.	Pembinaan Kesentosaan Sdn. Bhd.	Sebahagian GRN 122878 Lot 98936 Dan Sebahagian GRN 121319 Lot 87138, Taman Sentosa Perdana, Mukim Klang, Daerah Klang.	512	
Jumlah Keseluruhan			7,424	